



UNIVERSITY COLLEGE TATI (UC TATI)

BUKU SOALAN PEPERIKSAAN AKHIR

KOD KURSUS : MPU 3123

KURSUS : TAMADUN ISLAM & TAMADUN ASIA

SEMESTER/SESI : SEMESTER 2, 2023/2024

JANGKA MASA : 1 JAM 30 MINIT

Arahan:


1. Buku soalan ini mengandungi **5 (Lima)** soalan. Jawab **3 (Tiga)** daripada soalan-soalan tersebut.
2. Jawab soalan ini pada kertas jawapan yang disediakan.
3. Sekiranya ada kemusykilan, sila kemukakan kepada pengawas peperiksaan.

JANGAN BUKA SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

**BUKU SOALAN INI MENGANDUNGI TIGA (3) MUKA SURAT BERCETAK
TERMASUK MUKA SURAT HADAPAN**

Soalan: Sila jawab 3 soalan daripada soalan-soalan berikut. (30 markah)


SOALAN 1 :



Gambar Rajah 1

- Gambar Rajah 1 menunjukkan asas pembinaan salah sebuah tamadun yang unggul di Asia. Huraikan secara ringkas tentang konsep asas pembinaan tamadun tersebut yang bertanda 'X'. (4 markah)
- Huraikan 'Konsep Kekuasaan' dalam pandangan semesta tamadun ini. (6 markah)

SOALAN 2:



Gambar Rajah 2

Gambar Rajah 2 menunjukkan seni bina dan kemajuan Tamadun 'X'. Ia mempunyai sistem kemasyarakatan dan pemerintahan yang kukuh serta telah memberi sumbangan besar kepada dunia.

- Apakah asas sistem kemasyarakatan dalam tamadun ini? (4 markah)
- Huraikan sumbangan Tamadun 'X' dalam bidang sains dan teknologi kepada dunia. (6 markah)

SOALAN 3:

'Globalisasi' merupakan satu ancaman kepada masyarakat Malaysia jika tidak ditangani dengan baik.

- a. Apakah yang dimaksudkan dengan 'Globalisasi'? (4 markah)
- b. Huraikan **TIGA** kesan Globalisasi kepada masyarakat di Malaysia dan cadangan anda untuk menangannya? (6 markah)

SOALAN 4 :

'Zionisme' merupakan salah satu pengaruh Hegemoni Barat terhadap tamadun lain di dunia.

- a. Apakah perbezaan antara 'Zionisme' dan 'Yahudi'? (4 markah)
- b. Bagaimanakah pengaruh 'Zionisme' telah membawa impak negatif terhadap Dunia Islam? (6 markah)

SOALAN 5:

Salah faham tentang 'Jihad' dalam kalangan umat Islam telah membawa kepada tindakan yang ekstrimis dan bertentangan dengan syariat Islam yang sebenar.

- a. Apakah perbezaan antara 'Terorisme' dan 'Jihad' ? (4 markah)
- b. Huraikan konsep 'Jihad' dalam Islam? (6 markah)

-----SOALAN TAMAT-----

